

Tol bakal naik, rakyat pikul beban

PKR dakwa kerajaan tiada pelan jitu memuktamadkan kenaikan kadar tol di lapan lebuh raya

■ MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

SH 15/6

SUNGAI BESAR - Kerajaan persekutuan dilihat tidak mempunyai kerangka dasar yang jitu dalam mengurangkan beban pengguna jalan raya sekiranya memuktamadkan kenaikan kadar tol di lapan lebuh raya di negara ini.

Naib Presiden PKR, Nurul Izzah Anwar berkata, kerajaan tidak punya kredibiliti moral sehingga menyebabkan rakyat sekali lagi menjadi mangsa akibat daripada urus tadbir negara yang tempang.

“Alasan yang tidak munasabah sekiranya pihak kerajaan tak mampu bayar pampasan kepada konsesi tol sebanyak RM2.2 bilion dalam tempoh enam tahun.

“Di mana duit dan hasil GST (Cukai Barangan dan Perkhidmatan? Kerajaan telah mengutip wang rakyat daripada GST sebanyak RM27 bilion

pada tahun lalu.

“Kerajaan sepatutnya menggunakan hasil GST tersebut sebagai pulangan kepada jerih perit rakyat sebagai pembayar cukai dalam bentuk menurunkan kadar harga tol,” katanya.

Beliau mengulas laporan sebuah akhbar tempatan semalam yang menyebut kerajaan akan membuat keputusan muktamad dalam masa terdekat ini mengenai jumlah kenaikan kadar tol di lapan lebuh raya di negara ini.

Justeru, katanya, PKR dan Pakatan Harapan mencadangkan mekanisme yang dikenali sebagai ‘first right of refusal’ dalam menyelesaikan isu kenaikan harga tol.

“Mekanisme ini mengetengahkan bahawa pihak konsesi tol akan mendapat keutamaan untuk terlibat dalam projek lebuh raya akan datang sebagai tawaran untuk tidak menaikkan harga



Nurul Izzah hadir pada Sidang Media di Pejabat Amanah Sungai Besar.

tol kepada pengguna lebuh raya.

“Cadangan ini mampu melindungi kepentingan rakyat memandangkan pihak konsesi tol diberi jaminan keuntungan munasabah untuk projek akan datang,” katanya.

Beliau menjelaskan, Pakatan

Harapan kekal konsisten dengan dasar memansuhkan kadar tol secara berperingkat-peringkat berdasarkan manifesto PRU13 lalu.

“Perkara ini sama sekali tidak mustahil kerana perdana menteri (Datuk Seri Najib Tun Razak) sendi-

ri mengumumkan Lebuhraya Pan-Borneo sepanjang 1,090 kilometer dengan kos sebanyak RM16.1 bilion akan bebas tol.

“Lebih mengejutkan apabila pampasan kepada syarikat konsesi tol bagi 2016, naik melebihi RM500 juta. Perkara ini jelas menguntungkan konsesi tol, ditambah dengan kadar kenaikan harga tol yang memperkukuhkan keuntungan konsesi, katanya.

Kelapan-lapan lebuh raya berkenaan ialah Lebuhraya Utara-Selatan (Plus), Link Kedua Malaysia-Singapura, Lebuhraya Shah Alam (Kesas) dan Lebuhraya Utara-Selatan Hubungan Tengah (Elite).

Empat lebuh raya lagi ialah Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP), Butterworth-Kulim Expressway (BKE), Lebuhraya Seremban-Port Dickson (SPDH) dan Lebuhraya Pintas Selat Kelang Utara Baru (NNKSB).